



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

“eTESTING BAKAL TINGKATKAN INTEGRITI UJIAN MEMANDU”

Hulu Langat, 5 Mac 2024 – Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia akan memperkenalkan Sistem Latihan dan Pengujian Memandu Secara Elektronik (eTesting).

Prestasi calon ujian memandu akan diukur menggunakan alat sensor dan kamera di mana keputusan akan dijana secara masa nyata (real-time), sekaligus meningkatkan integriti proses penilaian.

Calon diberi pilihan untuk menjalani ujian biasa atau eTesting.

Walaupun Institut Memandu (IM) boleh mengenakan caj maksimum RM100, namun calon yang memilih untuk menggunakan pengujian secara eTesting akan menerima beberapa manfaat iaitu:

- i. Calon boleh membuat percubaan kali ke-2 bagi setiap elemen ujian yang gagal pada hari yang sama tanpa sebarang kos tambahan kepada calon.
- ii. Bagi ujian ulangan, calon hanya perlu membuat ujian ulangan melibatkan elemen yang gagal sahaja tanpa perlu mengulangi keseluruhan elemen ujian Bahagian II (seperti pelaksanaan ujian secara manual).
- iii. Calon ujian yang diuji menggunakan sistem akan diberikan keutamaan dalam senarai tempahan ujian.
- iv. Rebat RM10 bagi pengeluaran Lesen Percubaan.

Pelaksanaan sistem eTesting membolehkan lebih ramai calon diuji berbanding sistem ujian sedia ada atau manual.

Sistem eTesting ini akan meningkatkan integriti sistem ujian memandu, pengeluaran lesen memandu, memudahkan proses audit dan pemantauan aktiviti ujian secara elektronik.

Institut Memandu (IM) seluruh negara dibenarkan untuk menawarkan ujian berasaskan eTesting bermula pada April 2024.

Kini terdapat tiga (3) IM yang telah bersedia dengan pelaksanaan sistem eTesting iaitu:

- Institut Memandu Surfine Hitech, Hulu Langat, Selangor,
- Pusat Latihan Memandu Berjaya Bhd, Ulu Tiram, Johor,
- Institut Lima Bintang Abadi Sdn Bhd, Pulau Pinang.

Kementerian Pengangkutan mengalakkan semua IM untuk menawarkan ujian memandu berasaskan eTesting. Tempoh masa selama enam (6) tahun akan diberikan kepada IM bagi peralihan pengujian kaedah manual kepada kaedah eTesting.

IM boleh memilih mana-mana penyedia perkhidmatan eTesting yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Projek eTesting seperti berikut:

- a. Syarikat Uji Bestari Sdn. Bhd.
- b. Syarikat TBS Solutions Sdn. Bhd.
- c. KOPIMA Technology Sdn. Bhd.

Dalam masa yang sama terdapat tiga (3) lagi penyedia perkhidmatan eTesting yang masih dalam fasa penilaian dan akan diumumkan kemudian.

Untuk makluman, Ujian Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) terbahagi kepada tiga komponen iaitu:

- 1) KPP01 - Undang-undang (Teori)
- 2) KPP02 - Ujian di litar
- 3) KPP03 - Pratikal di jalanraya.

Sistem e-Testing akan ditawarkan untuk KPP02 iaitu Ujian di Litar.

INISIATIF TAMBAHAN PEMBUKAAN PUSAT UJIAN KPP DI INSTITUT MEMANDU

Untuk mengurangkan masa menunggu bagi calon memandu yang ingin menjalani ujian undang-undang (KPP01), Kerajaan akan mula membenarkan IM untuk

membuka Pusat Ujian bagi mengendalikan ujian undang-undang berkomputer di premis IM masing-masing.

Ini akan membolehkan calon ujian memandu untuk mengambil ujian undang-undang berkomputer dan ujian litar di tempat yang sama, sekaligus memudahkan mereka.

Namun, IM yang berhasrat untuk membuka pusat ujian bagi mengendalikan ujian undang-undang berkomputer di premis mereka disyaratkan untuk juga menawarkan eTesting bagi ujian litar.

IM boleh mula membuat permohonan bagi membuka Pusat Ujian KPP di premis mereka bermula April 2024. IM yang diluluskan akan diwajibkan untuk turut menyediakan sistem eTesting dalam tempoh satu (1) tahun.

Harga siling untuk Ujian Undang-Undang Berkomputer (Ujian KPP) di IM telah ditetapkan pada kadar RM17.00 (Motosikal) dan RM27.00 (Motokar dan Gabungan).

Walaupun ujian undang-undang berkomputer boleh dijalankan di premis IM, namun data dan soalan adalah berpusat dan di bawah kawalan penuh JPJ.

Inisiatif yang diumumkan pada hari ini merupakan usaha MOT dan JPJ untuk mempermudahkan urusan pemilikan Lesen Memandu Malaysia (LMM) seterusnya menyokong ke arah penyampaian perkhidmatan pendigitalan.

MOT dan JPJ juga sentiasa menghargai sokongan daripada pelbagai pihak dalam pelaksanaan pendigitalan dan komited meningkatkan mutu perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti kepada rakyat.

**LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
5 MAC 2024**

Maklumat lanjut berhubung inisiatif tersebut, layari www.jpj.gov.my atau hubungi Unit Pengujian Bahagian Pelesenan Pemandu 03-8892 8691/9726 atau melalui emel pengujian@jpj.gov.my

[TAMAT]